

iff

TATA KELAKUAN



KANDUNGAN

■ PESANAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KITA	4
■ PESANAN DARIPADA KETUA PEGAWAI PEMATUHAN KITA	5
■ MENGHAYATI TATA KELAKUAN	6
Kita Menghayati Nilai-nilai Kita	8
Kita Berusaha Untuk Mendapatkan Nasihat	9
Kita Bersuara	10
Kita Melaporkan Kebimbangan Kita	10
Apakah Yang Boleh Saya Jangkakan Apabila Saya Mengemukakan Kebimbangan?	11
Jangkaan bagi Pematuhan dan Kerjasama	12
Kebertanggungjawaban Itu Penting	12
Kita Melindungi Daripada Tindakan Balas	13
■ PRINSIP PANDUAN KITA	14
Kita Melakukan Apa Yang Betul Untuk Manusia	15
Kita Mewujudkan dan Mengekalkan Tempat Kerja yang Terangkum	15
Kita Mewujudkan Tempat Kerja Bebas Diskriminasi dan Gangguan	16
Apakah Itu Diskriminasi dan Gangguan?	16
Kita Menghormati Hak Asasi Manusia dan Amalan Buruh yang Adil	17
Kita Mengutamakan Keselamatan	18
Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Selamat	18
Penyalahgunaan Bahan Terlarang	18
Keganasan di Tempat Kerja	18
Kita Melakukan Apa Yang Betul Untuk Planet Ini	19
Kita Menyokong Kelestarian	19
Kita Menyokong Komuniti Kita	19
■ MENCEGAH SOGOKAN DAN RASUAH	20
Kita Berdiri Teguh Menentang Sogokan dan Rasuah	20
Apakah yang Dilarang?	22
Apakah Itu Sogokan?	22
Bayaran Pemudahcara	22
Tanggungjawab Anda	23
Kita Mengendalikan Hadiah, Hospitaliti & Hiburan Secara Beretika	24
Kita Mendekati Aktiviti Politik Dengan Bertanggungjawab	25

■ INTEGRITI DALAM PERNIAGAAN KITA	26
Kita Komited Terhadap Amalan Perniagaan yang Adil dan Telus	28
Kita Bersikap Telus Tentang Konflik Kepentingan	28
Apakah Itu Konflik Kepentingan?	28
Kita Mengekalkan Rekod Sentiasa Tepat	30
Kita Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam & Pendedahan Maklumat Penting Bukan Awam	31
Kita Membina Kepercayaan Dengan Rakan Niaga Kita Melalui Urus Niaga Beretika	32
Kita Memastikan Rakan Niaga Kita Memegang Pematuhan Piawaian yang Sama	32
Kita Sentiasa Berwaspada Terhadap Perubahan Wang Haram dan Aktiviti Berkaitan	33
Kita Mematuhi Undang-Undang Kawalan Perdagangan	33
Kita Bersaing Secara Adil dan Bertanggungjawab	34
Pengendalian Maklumat Pesaing	34
Apabila Pesaing Juga Merupakan Pelanggan	34
Mengapa Hal Ini Penting	35
Kita Memastikan Pematuhan Produk dan Integriti Kawal Selia	36
■ MELINDUNGI HARTA DAN ASET IFF	38
Kita Melarang Penipuan, Pencurian, Pembaziran atau Penyalahgunaan	39
Kita Melindungi Harta Intelek, Rahsia Perdagangan & Maklumat Sulit Kita	40
Apakah yang Perlu Dilindungi?	40
Komunikasi Maklumat Sulit	42
■ KOMUNIKASI LUAR DAN PRIVASI	44
Kita Berkomunikasi dan Menggunakan Media Sosial dengan Berhati-hati	45
Penggunaan Media Sosial	46
Kita Menggunakan Teknologi & Sistem Komunikasi Secara Bertanggungjawab	47
Pemantauan dan Privasi	47
Penggunaan Yang Sesuai	47
Keselamatan dan Kerahsiaan	47
Kita Memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) Secara Beretika	48
Penggunaan dan Pembangunan AI yang Bertanggungjawab	48
Penggunaan yang Dilarang	49
Kita Melindungi Privasi Dan Memastikan Keselamatan Data Peribadi	50
Apakah Itu Data Peribadi?	50
Kita Menyimpan Dokumen dengan Bersesuaian	51
Arahan Penahanan Undang-undang dan Pengecualian	51

PESANAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KITA

Apabila kita mentakrif semula tujuan IFF, kita juga dengan tegas mengisytiharkan nilai yang menjadi pegangan kita dengan nilai yang dibaharui: kita merupakan rakan kongsi, bersemangat, gigih dan berprinsip. Nilai teras kita iaitu “berprinsip” menuntut agar kita melakukan perkara yang betul untuk manusia dan planet ini dengan bertindak dengan selamat, beretika dan bertanggungjawab. Walaupun nilai-nilai kita berfungsi sebagai kompas kepada semua warga IFF, Tatakelakuan kita menyediakan panduan praktikal tentang cara kita harus menjalankan perniagaan dan berinteraksi dengan rakan niaga kita. Tatakelakuan ini mencerminkan komitmen kita untuk beroperasi mengikut piawaian etika tertinggi, dan berfungsi sebagai asas kerangka etika kita dengan membentuk tindakan serta keputusan kita selaras dengan nilai-nilai kita. Dengan mematuhi Tatakelakuan ini, kita mengharapkan agar semua pekerja bertindak laku dengan tahap integriti dan profesionalisme yang tertinggi dalam setiap urusan perniagaan.

Kepercayaan ialah asas kepada perhubungan kita. Kita memperolehnya bukan sahaja melalui inovasi dan prestasi, tetapi juga melalui integriti, ketelusan, keadilan dan kepatuhan. Pematuhan Tatakelakuan ini akan membantu kita membina perkongsian yang berkekalan dan melindungi reputasi kita di pasaran.

Setiap pekerja bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan untuk mendukung Tatakelakuan dan bertindak secara beretika. Saya menggalakkan anda membaca Tatakelakuan ini dengan teliti dan sentiasa bertindak dengan cara yang mencerminkan nilai-nilai kita serta mengukuhkan kepercayaan orang lain terhadap kita.

Bersama-sama, kita akan terus membina sebuah syarikat yang bukan sahaja berjaya, malah menjadi sumber kegembiraan dan inspirasi kepada semua.

Erik Fyrwald
Chief Executive Officer



PESANAN DARIPADA KETUA PEGAWAI PEMATUHAN KITA

Teras IFF ialah nilai-nilai yang mentakrif diri kita, cara kita bekerja dan cara kita saling melayani antara satu sama lain. Tatakelakuan ini mencerminkan piawaian etika sedemikian, iaitu integriti, ketelusan, kejujuran, rasa hormat dan kebertanggungjawaban, serta membimbing kita untuk beroperasi dengan prinsip dan tujuan yang jelas.

Namun, Tatakelakuan ini bukan sekadar kata-kata di atas kertas. Ia terzhahir dalam pilihan yang kita buat dan dalam interaksi harian kita. Setiap daripada kita memainkan peranan penting dalam mempertahankannya.

Tatakelakuan ini menyediakan suatu kerangka untuk membantu kita menangani situasi yang kompleks dengan yakin dan jelas. Walaupun tidak merangkumi setiap senario, Tatakelakuan ini mengarahkan kita kepada sumber yang boleh membantu. Untuk panduan tambahan, sila rujuk dasar, prosedur dan alat praktikal kita, atau hubungi pasukan Etika dan Pematuhan. Anda juga boleh mendapatkan sokongan daripada wakil Sumber Manusia atau Undang-undang.

Dengan menghayati Tatakelakuan ini bersama-sama, kita memupuk persekitaran kerja yang mencerminkan yang terbaik daripada IFF, iaitu yang meraikan keunikan kita, mengukuhkan budaya kita dan memperkasakan setiap kita untuk melakukan perkara yang betul.


Brynn Samson
Chief Compliance Officer



MENGHAYATI TATAKELAKUAN

Kita berusaha untuk mewujudkan suatu persekitaran yang semua pekerja IFF (dan juga pekerja sementara, pelatih dan kontraktor) bersemangat untuk datang bekerja setiap hari di tempat yang komited, tanpa pengecualian, terangkum, hormat menghormati, bertanggungjawab dan melakukan perkara yang betul.





Segala yang kita lakukan mesti dilaksanakan mengikut piawaian etika, kejujuran dan integriti yang tertinggi. Dengan menjalankan perniagaan di peringkat global, setiap tindakan yang kita ambil bukan sahaja mesti mematuhi piawaian tinggi ini, malah mesti juga mematuhi Tatakelakuan ini ("Tata"), dasar-dasar IFF serta semua undang-undang dan peraturan yang terpakai. Kita juga perlu sentiasa berwaspada untuk memastikan orang lain dalam organisasi kita turut berbuat demikian.

Semua pekerja, pengarah dan pegawai IFF di seluruh dunia bertanggungjawab untuk menyemak, memahami dan mematuhi Tata ini serta dasar dan prosedur IFF.

Pengurus memainkan peranan penting dalam memupuk budaya integriti dan membuat keputusan secara beretika. Selain mematuhi Tata ini, pengurus diharapkan untuk:

- Memimpin melalui teladan dengan sentiasa menjunjung nilai dan piawaian etika IFF
- Membantu pasukan mereka memahami Tatakelakuan dan cara Tata ini terpakai dalam kerja harian mereka
- Memperkukuh tingkah laku beretika melalui komunikasi yang berterusan dan dengan menyepadukan topik pematuhan dalam perbincangan pasukan
- Mengiktiraf dan memberikan ganjaran bagi tingkah laku beretika, serta menangani tingkah laku yang tidak mencapai tahap piawaian kita
- Mewujudkan persekitaran yang selamat dan terbuka tempat pekerja berasa selesa untuk bertanya soalan dan membangkitkan kebimbangan
- Menggalakkan ketelusan dan melindungi mereka yang Bersuara dengan niat yang baik daripada tindakan balas, dan menyelesaikan konflik secara adil tanpa pilih kasih
- Mengemukakan isu apabila bersesuaian dengan melaporkan segera kebimbangan kepada pihak Etika dan Pematuhan, Undang-undang atau Sumber Manusia

Jangkaan dalam Tata ini terpakai di seluruh dunia, tanpa mengira sama ada anda bekerja dari jarak jauh atau di pejabat, menghadiri mesyuarat perniagaan atau majlis anjuran pelanggan, atau menjalankan sebarang aktiviti lain bagi pihak IFF. Sekiranya terdapat percanggahan antara Tata ini, dasar IFF dengan undang-undang dan peraturan tempatan, anda mesti mengguna pakai peraturan yang menetapkan piawaian tingkah laku etika yang lebih tinggi.

KITA MENGHAYATI NILAI-NILAI KITA

Nilai-nilai kita ialah asas kepada segala yang kita lakukan.

Nilai-nilai ini membimbing setiap keputusan, setiap inovasi dan setiap perkongsian. Di IFF, tindakan berintegriti, bertanggungjawab dan berkeprihatinan terhadap manusia serta planet ini bukan sekadar sebahagian daripada perniagaan kita, malah itulah perniagaan kita.

Nilai-nilai ini bukan sekadar impian, malah membentuk tindakan dan keputusan kita setiap hari. Juga, nilai-nilai ini dizahirkan melalui Tatakelakuan kita, yang mencerminkan diri kita: Rakan Kongsi, Bersemangat, Gigih dan Berprinsip.

Rakan Kongsi

Kita percaya kepada kekuatan kerjasama dan keterangkuman. Di IFF, kita berjaya bersama-sama dengan berkongsi kepakaran, meraikan kepelbagaian perspektif dan membina hubungan yang berkekalan dengan pelanggan dan rakan sekerja. Kekuatan kita terletak pada perpaduan kita, dan tujuan bersama kita memacu inovasi yang memberikan kesan yang bermakna di seluruh dunia.

Gigih

Kita tidak pernah berhenti daripada mara ke hadapan. Komitmen kita terhadap penambahbaikan berterusan bermakna kita sentiasa belajar, berkembang dan berusaha untuk melampaui jangkauan. Kegigihan ialah janji kita kepada pelanggan, komuniti dan diri kita sendiri untuk menyampaikan penyelesaian yang selamat, lestari dan membawa perubahan.

Bersemangat

Semangat menggerakkan kita. Daripada sains di sebalik penyelesaian kita hingga daya cipta yang menghidupkannya, kita bersemangat daripada hasil kegembiraan yang kita ciptakan. Kita menyukai segala yang kita lakukan, kita menyukai sebab kita melakukannya dan kita melakukannya dengan baik, dengan membawa idea yang berani dan mengilhamkan kecemerlangan dalam setiap interaksi.

Berprinsip

Integriti ialah asas kita. Kita bertindak dengan tujuan dan tanggungjawab, mengutamakan keselamatan, etika, keterangkuman dan ketelusan dalam setiap perkara yang kita lakukan. Berprinsip bermaksud melakukan perkara yang betul, bukan hanya yang mudah, supaya kita dapat melindungi manusia, planet ini dan kepercayaan yang diberikan kepada kita oleh penerima khidmat kita.

Dalam setiap produk yang kita hasilkan, setiap penemuan yang kita cetuskan dan setiap penyelesaian yang kita sampaikan, nilai-nilai kita ialah tali yang menjalin semuanya bersama. Nilai-nilai ini membimbing kita untuk memimpin berasaskan tujuan, mencipta dengan hati nurani dan berkembang dengan integriti.

KITA BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN NASIHAT

Tata ini ialah panduan anda kepada nilai dan piawaian etika IFF. Walaupun Tata ini menangani banyak situasi biasa, sesetengah cabaran mungkin lebih kompleks atau bernuansa.

Sering kali, tindakan yang betul adalah jelas. Akan tetapi, apabila anda berhadapan dengan ketidakpastian, tanya diri anda:

Adakah hal ini sah di sisi undang-undang?



Adakah hal ini selaras dengan Tata, dasar dan nilai IFF?



Adakah integriti saya kekal?



Adakah hal ini akan melindungi reputasi IFF?



Adakah saya selesa jika hal ini diketahui umum?

Jika anda menjawab “Tidak” atau tidak pasti tentang mana-mana soalan ini, maka berhentilah dan dapatkan panduan sebelum meneruskan. Hubungi pihak Etika dan Pematuhan, Undang-undang atau Sumber Manusia untuk mendapatkan sokongan. Kami ada di sini untuk membantu anda membuat keputusan yang betul.



KITA BERSUARA

Di IFF, setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk menggalakkan dan mengekalkan amalan perniagaan yang jujur, beretika dan mematuhi peraturan di seluruh organisasi selaras dengan Tata ini, dasar IFF dan undang-undang serta peraturan yang terpakai. Jika anda menyedari tentang kemungkinan pelanggaran atau dakwaan salah laku, anda mesti segera melaporkan melalui "Speak Up".

Kita Melaporkan Kebimbangan Kita

Terdapat beberapa cara anda boleh mengemukakan kebimbangan anda:

- Bincangkan terus dengan penyelia anda atau pihak Sumber Manusia
- Bercakap dengan ahli pasukan Etika dan Pematuhan atau Undang-undang
- Hubungi Talian SpeakUp IFF
 - Dalam talian di iff.com/speakup
 - Hubungi nombor telefon yang tersenarai di iff.com/speakup
- E-mel compliance@iff.com

Terdapat pelbagai cara anda boleh melaporkan kebimbangan anda, termasuk pilihan untuk membuat laporan secara tanpa nama sekiranya dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Walaupun kami menggalakkan individu mendedahkan identiti mereka agar kami dapat menyiasat dan memberikan respons dengan lebih berkesan, namun kami menghormati pilihan anda untuk kekal membuat laporan tanpa nama diberikan. Yang paling penting ialah anda Bersuara.

Walaupun IFF menggalakkan anda menggunakan Talian SpeakUp, namun tidak tertera dalam Tata ini atau mana-mana dasar atau perjanjian kita yang dimaksudkan untuk melarang atau menyekat anda daripada melaporkan apa-apa pelanggaran undang-undang kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau badan pengawalseliaan yang bersesuaian, atau daripada bekerjasama dengan atau memberikan maklumat kepada mana-mana pihak sedemikian sehubungan dengan pelanggaran undang-undang, siasatan, pemeriksaan kerajaan atau pertanyaan rasmi.

Apakah Yang Boleh Saya Jangkakan Apabila Saya Mengemukakan Kebimbangan?

Kemasukan

- Semua laporan dimasukkan ke dalam sistem Talian SpeakUp IFF, yang diurus oleh pihak ketiga
- Pelapor mempunyai pilihan pilihan sama ada membuat laporan tanpa nama, akan tetapi, ini tertakluk pada undang-undang tempatan
- Setiap kes akan ditugaskan kepada seorang Pemilik Isu berdasarkan subjek berkenaan, wilayah atau faktor berkaitan yang lain



Siasatan

- Pemilik Isu akan menghubungi pelapor melalui sistem SpeakUp atau melalui e-mel
- Pemilik Isu akan menjalankan semakan yang bersesuaian terhadap kebimbangan yang dibangkitkan



Kesimpulan

- Setelah semakan selesai, hasil semakan akan dirumuskan termasuk sebarang tindakan susulan yang diambil
- Untuk melindungi kerahsiaan, kemungkinan kesudahan yang khusus tidak akan dikongsi

Jangkaan bagi Pematuhan dan Kerjasama

IFF mengambil serius semua laporan berkaitan kemungkinan pelanggaran atau salah laku dan komited untuk menyemak serta menyiasatnya secara menyeluruh dan segera. Jika diminta untuk mengambil bahagian dalam siasatan dalaman, anda dikehendaki memberikan kerjasama sepenuhnya dan secara jujur.

Kebertanggungjawaban Itu Penting

Melanggar Tata ini, dasar IFF atau undang-undang yang terpakai, serta sebarang cubaan untuk menyembunyikan pelanggaran sedemikian, boleh mengakibatkan tindakan tatatertib, hingga dan termasuk penamatan perkhidmatan. Dalam sesetengah kes, pelanggaran juga boleh menyebabkan denda atau hukuman jenayah terhadap anda atau IFF.

Oleh itu, adalah penting bagi anda memahami dan mematuhi peraturan yang digariskan dalam Tata ini. Peraturan ini diwujudkan untuk melindungi diri anda, syarikat kita dan kepercayaan yang telah kita bina bersama pihak berkepentingan kita.

Untuk maklumat lanjut, sila semak [SpeakUp IFF: Mengemukakan Kebimbangan dan Dasar Tiada Tindakan Balas](#).





Kita Melindungi Daripada Tindakan Balas

IFF komited untuk melindungi mereka yang Bersuara, sama ada dengan mengemukakan kebimbangan dengan niat yang baik atau dengan mengambil bahagian dalam siasatan. Laporan yang dibuat dengan niat yang baik bermaksud anda benar-benar percaya bahawa kebimbangan tersebut adalah benar pada masa anda mengemukakannya, walaupun akhirnya didapati sebagai suatu kesilapan.

Kita tidak bertolak ansur terhadap tindakan balas kepada sesiapa yang:

- Melapor atau membantu untuk melaporkan kemungkinan pelanggaran Tata, dasar atau undang-undang
- Mengemukakan kebimbangan, bertanya soalan atau meminta nasihat tentang amalan, keputusan atau tindakan perniagaan
- Mengambil bahagian atau bekerjasama dalam siasatan dalaman atau siasatan kerajaan



Bersuara ialah tanggungjawab yang kita kongsi bersama, dan melindungi mereka yang berbuat demikian ialah komitmen yang kita semua penuhi.

Apakah yang Akan Anda Lakukan?

? SOALAN

Saya menghubungi Talian SpeakUp IFF untuk melaporkan bahawa beberapa komen daripada pengurus saya yang membuatkan saya berasa kurang selesa. Dia telah ditemu bual sebagai sebahagian daripada siasatan berkaitan aduan saya dan selepas itu, dia memberi saya penilaian prestasi yang rendah walaupun saya menerima pujian tinggi daripada pekerja lain dan sentiasa melampaui sasaran jualan saya. Adakah tingkah laku pengurus saya itu melanggar Tatakelakuan?

💡 JAWAPAN

Mungkin. IFF mempunyai dasar tegas yang melarang tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang melaporkan kebimbangan dengan niat yang baik. Jika pengurus anda memberi anda penarafan rendah kerana anda melaporkan tingkah lakunya, dia mungkin sedang melakukan tindakan balas. Anda harus melaporkan tingkah laku pengurus anda dengan segera.

PRINSIP PANDUAN KITA

Kita melakukan perkara yang betul untuk manusia dan planet ini dengan bertindak secara selamat, beretika, terangkum dan bertanggungjawab.

Di IFF, komitmen kita terhadap integriti dicerminkan dalam segala yang kita lakukan, daripada melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja kita hingga memupuk hubungan yang saling menghormati dengan komuniti di mana kita beroperasi. Kita mengakui kebertanggungjawaban kita terhadap standard tingkah laku beretika yang tinggi, pengawasan alam sekitar dan tanggungjawab sosial.





KITA MELAKUKAN APA YANG BETUL UNTUK MANUSIA

Kita Mewujudkan dan Mengekalkan Tempat Kerja yang Terangkum

Tempat kerja di IFF, kita menghargai keunikan rakan sekerja, pembekal, pelanggan dan rakan kongsi kita. Kita meraikan pernyataan, inovasi dan pencapaian individu, dan kita juga menghargai kekuatan yang lahir daripada kepelbagaian perspektif. Budaya keterangkuman dan rasa kekitaan ini membantu individu untuk berkembang maju, mengukuhkan pasukan kita dan menjadi pemacu utama kejayaan kita.

Kita komited untuk saling melayani antara satu sama lain dengan penuh hormat dan bermaruah, bebas daripada berat sebelah, diskriminasi, gangguan atau prasangka. Kita berusaha untuk menyediakan peluang yang saksama dan memastikan semua orang mendapat sokongan serta ruang untuk mencapai potensi penuh mereka.

Setiap pekerja memainkan peranan dalam membina budaya yang adil, saling menghormati dan beretika. Maksudnya, mengambil tindakan yang bermakna untuk menyokong kesaksamaan dan rasa kekitaan, dan bukan sekadar mempunyai niat yang baik. Tindakan ini termasuk:

- Membangunkan kesedaran tentang bias peribadi dan berusaha untuk mengurangkan kesannya
- Menyokong persekitaran kerja yang identiti dan latar belakang setiap individu dihormati dan dihargai
- Bersikap terbuka terhadap perspektif budaya yang berbeza serta menyesuaikan cara kita berkomunikasi dan bekerjasama merentasi pasukan yang pelbagai

Bersama-sama, kita menjadikan keterangkuman sebagai amalan harian yang memacu inovasi, hubungan dan kejayaan bersama.

Kita Mewujudkan Tempat Kerja Bebas Diskriminasi dan Gangguan

Untuk mengekalkan budaya yang benar-benar terang-kum dan memupuk keunikan setiap individu, kita mesti melayani semua rakan sekerja, pelanggan dan rakan niaga dengan bermaruah dan penuh hormat. Kita tidak bertolak ansur terhadap sebarang tindakan diskriminasi atau gangguan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau sebarang tingkah laku yang bersifat intimidasi atau ugutan.

Apakah Itu Diskriminasi dan Gangguan?

Diskriminasi ialah layanan yang tidak adil atau berasaskan prasangka terhadap seseorang berdasarkan bangsa, warna kulit, kepercayaan, agama, jantina, orientasi seksual, identiti atau ekspresi jantina, variasi interseks, negara asal, status perkahwinan atau sekedudukan sivil, kehamilan, keturunan, kewarganegaraan, umur, status tentera atau bekas tentera, ketidakupayaan, ciri genetik, status HIV atau sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.

Gangguan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan termasuk sebarang perlakuan yang tidak diingini yang mewujudkan persekitaran kerja yang menakutkan, bermusuhan atau menyinggung perasaan, atau yang bertujuan atau memberikan kesan yang mengganggu kerja seseorang secara tidak munasabah. Gangguan yang terdorong oleh ciri dilindungi yang sama bagi diskriminasi sebagaimana yang disenaraikan di atas dengan ini dilarang. Tingkah laku sedemikian tidak boleh diterima dan melanggar hak pekerja IFF untuk bekerja dalam persekitaran yang bebas daripada gangguan.

Contoh Gangguan Boleh Termasuk:

- Bahasa yang kasar atau menyinggung perasaan
- Jenaka yang tidak bersesuaian
- lmej yang menyinggung atau tidak bersesuaian
- Ugutan atau intimidasi
- Gangguan seksual

Contoh Gangguan Seksual Boleh Termasuk:

- Sentuhan yang tidak diundang
- Bahasa atau gambar yang berunsur seksual
- lsyarat lucah
- Pengumpanan seksual yang tidak diingini
- Permintaan layanan seksual
- Tingkah laku lisan atau fizikal bersifat seksual yang lain

Larangan IFF terhadap diskriminasi dan gangguan dalam apa-apa jua bentuk terpakai kepada semua aspek amalan pekerjaan kita, termasuk perekrutan, pengambilan, latihan, pertukaran, kenaikan pangkat, pampasan dan penamatan perkhidmatan. Larangan ini juga dilanjutkan kepada para pembekal, pelanggan dan rakan niaga lain, serta kepada aktiviti di tempat kerja dan juga dalam persekitaran perniagaan di luar pejabat.

Jika anda menjadi mangsa atau menyaksikan gangguan atau diskriminasi dalam apa-apa jua bentuk, anda mesti Bersuara dan melaporkannya dengan segera.

Kita Menghormati Hak Asasi Manusia dan Amalan Buruh yang Adil

IFF komited untuk menghormati dan menggalakkan hak asasi manusia yang asas bagi semua. Kita komited untuk mencegah, mengurangkan dan menangani kesan buruk hak asasi manusia dalam operasi kita sendiri, dalam rantaian bekalan kita dan dalam komuniti tempat kita beroperasi. Kita mengharapkan komitmen yang sama daripada pembekal dan rakan niaga lain.

Bidang keutamaan penting kita termasuk:

- Toleransi Sifar terhadap Buruh Kanak-Kanak: Buruh kanak-kanak dilarang sama sekali dalam operasi kita, dan kita berusaha aktif untuk mengenal pasti dan mencegahnya di seluruh rantaian bekalan kita
- Toleransi Sifar terhadap Perhambaan Moden: Buruh paksa atau buruh bukan sukarela dalam apa-apa jua bentuk dan pemerdagangan manusia tidak dibenarkan dalam operasi kita atau dalam rantaian bekalan kita
- Pampasan Adil: Kita komited untuk membayar semua pekerja kita upah sara hidup, dan kita menggalakkan upah dan pendapatan sara hidup di seluruh rantaian bekalan kita
- Jam Bekerja yang Munasabah: Jam bekerja adalah munasabah dan masa rehat yang mencukupi dan cuti bergaji disediakan
- Tempat Kerja yang Selamat dan Sihat: Kesihatan dan keselamatan pekerja dilindungi di tempat kerja
- Keterangkuman dan Tanpa Diskriminasi: Para pekerja kita bekerja dalam persekitaran yang terang-kum, dan kita berusaha untuk menggalakkan layanan yang adil dan penuh hormat dalam rantaian bekalan kita serta komuniti tempatan kita
- Kebebasan Berkesatuan: Para pekerja bebas untuk menubuhkan dan/atau menyertai kesatuan sekerja dan untuk berunding secara kolektif
- Hak Harta Benda: Hak dan pemilikan terhadap harta dan tanah dihormati di seluruh rantaian nilai kita
- Menghormati Alam Sekitar: Kita berusaha untuk mengurangkan jejak alam sekitar kita dan melindungi mata pencarian komuniti di seluruh rantaian nilai kita

Sila rujuk [Dasar Hak Asasi Manusia Global](#) kita untuk maklumat lanjut.

KITA MENGUTAMAKAN KESELAMATAN

Mengekalkan Tempat Kerja yang Selamat

Di IFF, keselamatan tidak boleh dikompromi. Kita semua bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan tempat kerja yang selamat dan terjamin, untuk diri kita sendiri, rakan sekerja, rakan niaga dan pelawat.

Sama ada membersihkan tumpahan, mengingatkan rakan sekerja supaya memakai peralatan perlindungan, atau melaporkan bahaya, setiap tindakan adalah penting. Kita mesti memahami dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar IFF yang terpakai dan telah direka untuk mencegah kecederaan dan kejadian.

Dengan sentiasa berwaspada dan mengambil tindakan apabila perlu, kita membantu untuk memastikan persekitaran yang selamat untuk semua. Jika anda menyedari sebarang keadaan atau tingkah laku yang tidak selamat, laporkan dengan segera kepada penyelia anda, ketua tapak atau ahli pasukan Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran, Etika dan Pematuhan, Undang-undang atau Sumber Manusia.

Contoh isu yang perlu dilaporkan termasuk:

- Peralatan yang rosak atau memerlukan penyelenggaraan
- Pendedahan kepada bahan berbahaya yang boleh menyebabkan penyakit atau kecederaan
- Tugas yang memerlukan latihan tambahan agar dapat dilaksanakan dengan selamat
- Sebarang keadaan atau tingkah laku lain yang boleh menimbulkan risiko kepada manusia atau alam sekitar

Penyalahgunaan Bahan Terlarang

IFF komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif. Untuk melindungi warga kerja kita dan integriti perniagaan kita, kita melarang penggunaan, pemilikan, penjualan atau pengedaran alkohol, dadah terlarang atau bahan terkawal di harta tanah milik syarikat, semasa jam bekerja atau sambil mengendalikan peralatan atau kenderaan milik syarikat.

Pekerja diharapkan hadir untuk bekerja dalam keadaan yang membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan selamat dan berkesan. Penyalahgunaan bahan terlarang menjejaskan pertimbangan, membahayakan orang lain dan melemahkan komitmen kita terhadap keselamatan dan integriti. Bekerja di bawah pengaruh alkohol atau dadah mendedahkan semua orang kepada risiko dan ini tidak akan ditoleransi.

Keganasan di Tempat Kerja

Sebarang tindakan keganasan atau tingkah laku mengancam, sama ada secara fizikal atau lisan, oleh pekerja atau pihak lain di harta tanah IFF atau semasa menjalankan urusan IFF dilarang sama sekali. Hal ini termasuk langsgan fizikal, penderaan lisan, intimidasi dan pemilikan senjata.

Semua tingkah laku sedemikian mesti dilaporkan dengan segera. Jika terdapat ancaman yang hampir akan berlaku, hubungi perkhidmatan kecemasan tempatan dan ikut prosedur tapak atau pengurusan krisis yang terpakai.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [Dasar Pencegahan Keganasan di Tempat Kerja](#).

Ingat, tindakan kecil pun boleh membawa perubahan besar dalam aspek kesihatan dan keselamatan.

KITA MELAKUKAN APA YANG BETUL UNTUK PLANET INI

Kita Menyokong Kelestarian

Kelestarian merupakan asas kepada cara kita menjalankan perniagaan di IFF. Komitmen kita terhadap masa depan yang lebih baik diterapkan dalam strategi kita dan memacu inovasi di seluruh operasi kita, daripada mendapatkan bahan mentah secara bertanggungjawab dan mengendalikan kemudahan yang cekap tenaga, hingga mereka bentuk produk dengan memikirkan ciri kelestarian yang penting.

Berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, strategi kelestarian bersepadu kita memberikan tumpuan kepada empat tonggak utama: meminimumkan jejak alam sekitar kita, memajukan inovasi lestari, memastikan sumber diperolehi secara bertanggungjawab dan menyokong manusia dan komuniti kita. Kita menyasarkan peluang yang paling signifikan untuk mewujudkan impak positif kepada pelanggan, pengguna dan dunia.


Untuk maklumat lanjut tentang kemajuan, inisiatif berterusan dan matlamat masa hadapan kita, sila rujuk Laporan Kelestarian terkini IFF.

Kita Menyokong Komuniti Kita

IFF komited untuk menyokong organisasi kebajikan dan inisiatif komuniti yang selaras dengan nilai dan bidang impak kita, seperti mengilhamkan inovasi, melindungi alam semula jadi dan menyokong komuniti tempat kita menetap dan bekerja. Semua sumbangan kebajikan mesti diluluskan selaras dengan dasar dan prosedur IFF, dan hanya boleh dibuat kepada organisasi yang layak, tidak sekali-kali kepada individu atau bagi tujuan memperoleh kelebihan perniagaan.

Pekerja diharapkan untuk mematuhi semua proses kelulusan dan memastikan sumbangan adalah telus, didokumenkan dengan betul serta mematuhi undang-undang dan dasar syarikat yang terpakai. Sumbangan kepada entiti politik, keagamaan atau yang bercanggah dengan kepentingan IFF dilarang sama sekali.


Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Dasar dan Prosedur Impak Komuniti dan Pemberian Korporat IFF.



MENCEGAH SOGOKAN DAN RASUAH

KITA BERDIRI TEGUH MENENTANG SOGOKAN DAN RASUAH

IFF mengamalkan toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah dalam apa-apa jua bentuk, sama ada melibatkan pihak swasta atau awam. Kita komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika, adil dan mematuhi semua undang-undang antisogokan dan antirasuah yang terpakai di seluruh dunia, tanpa mengira adat atau amalan perniagaan setempat.





Apakah yang Dilarang?

- Jangan sekali-kali menawar, membayar atau meluluskan sogokan atau bayaran pemudah cara kepada sesiapa pun, termasuk pegawai kerajaan, rakan niaga atau pihak ketiga, dalam apa-apa jua keadaan sekali pun
- Jangan sekali-kali meminta atau menerima sogokan atau apa-apa yang bernilai yang bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar
- Jangan sekali-kali menggunakan ejen, perunding atau pihak ketiga lain untuk melakukan perkara yang anda sendiri dilarang daripada melakukannya

Apakah Itu Sogokan?

Sogokan ialah apa-apa yang bernilai, seperti wang tunai, hadiah, hospitaliti, hiburan, peluang pekerjaan atau keistimewaan khas, yang ditawarkan atau diterima untuk mempengaruhi sesuatu keputusan secara tidak wajar, mendapatkan perniagaan, memperoleh permit atau lesen, atau meraih sebarang kelebihan yang tidak adil.

Contoh Sogokan:

Wang tunai



Hadiah



Hiburan
& Hospitaliti



Peluang
Pekerjaan



Keistimewaan
Khas



Bayaran Pemudah Cara

IFF melarang bayaran pemudah cara, walaupun dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Bayaran ini biasanya merupakan bayaran kecil yang dibuat untuk mempercepat tindakan rutin kerajaan, seperti memproses dokumen atau melepaskan barangan melalui kastam.



Tanggungjawab Anda

Semua pekerja diharapkan untuk mengetahui dan mematuhi Tatakelakuan dan Dasar Antisogokan kita. Jika anda mengesyaki atau menyedari berlakunya sebarang salah laku, atau jika ada sesuatu yang dirasakan tidak betul, hubungi pihak Etika dan Pematuhan atau Undang-undang dengan segera.

Dengan bertindak penuh integriti dan enggan bertolak ansur terhadap sogokan atau rasuah, kita melindungi reputasi IFF dan membantu untuk memastikan pasaran yang adil untuk semua.

Apakah yang Akan Anda Lakukan?

? SOALAN

Produk perisa tiba di pelabuhan tanpa pelabelan yang betul. Seorang pegawai kastam menawarkan untuk melepaskan kiriman itu sebagai ganti sejumlah wang yang dibayar kepadanya. Produk itu diperlukan segera untuk memenuhi pesanan pelanggan. Bolehkah saya membuat bayaran itu?

💡 JAWAPAN

Tidak, anda tidak dibenarkan. Membuat bayaran sedemikian bukan sahaja melanggar peraturan pelabelan, malah turut melanggar Dasar Antisogokan IFF dan undang-undang antisogokan yang terpakai. Jenis bayaran ini, yang sering dirujuk sebagai “bayaran pemudah cara”, dianggap sebagai sogokan di banyak bidang kuasa dan dilarang sama sekali oleh dasar IFF.

Terlibat dalam perlakuan sedemikian boleh mendedahkan diri anda dan syarikat kepada implikasi undang-undang, kewangan dan reputasi yang serius. Tanpa mengira tahap kecemasan atau lokasi, pekerja tidak boleh sama sekali meluluskan atau membuat bayaran yang tidak wajar kepada pegawai kerajaan. Jika anda berhadapan dengan permintaan sedemikian, anda mesti menghubungi pasukan Etika dan Pematuhan dengan segera untuk panduan.

KITA MENGENDALIKAN HADIAH, HOSPITALITI & HIBURAN SECARA BERETIKA

Di IFF, kita berusaha membina hubungan kerja yang berjaya dan muhibah dengan para pelanggan kita, pembekal dan rakan niaga lain kerana mereka adalah penting kepada kejayaan kita. Memberi dan menerima hiburan perniagaan yang tidak berlebihan, seperti jamuan makan dan acara yang munasabah, atau bertukar-tukar hadiah yang sederhana boleh membantu untuk mengukuhkan hubungan dengan rakan niaga, terutamanya dalam budaya yang mengamalkan pemberian hadiah. Walau bagaimanapun, semua hadiah, hospitaliti dan hiburan mesti mematuhi dasar kita dan undang-undang.

Hadiah, Hospitaliti dan Hiburan

Yang Perlu Anda Ketahui

- Jangan sekali-kali meminta atau memancing hadiah, hospitaliti atau hiburan
- Pastikan semuanya sederhana. Hadiah, hospitaliti atau hiburan yang mewah tidak sekali-kali boleh diterima
- Tolak jemputan ke acara yang melibatkan lokasi, hiburan atau aktiviti yang tidak bersesuaian yang boleh menjejaskan integriti profesional
- Barangan berjenama boleh diterima selagi tidak berlebihan
- Jangan sekali-kali memberikan atau menerima apa-apa yang bernilai yang boleh dianggap sebagai mempengaruhi atau berpotensi untuk mempengaruhi pertimbangan atau tindakan anda atau penerima. Hadiah boleh datang dalam pelbagai bentuk, seperti perkhidmatan, peluang pekerjaan dan instrumen kewangan seperti saham
- Wang tunai, kad hadiah, baucar, tiket loteri dalam apa-apa jua jumlah, atau setara wang tunai tidak dibenarkan
- Elakkan daripada menawarkan hadiah atau hospitaliti kepada pegawai kerajaan. Hubungi pihak Etika dan Pematuhan sebelum terlibat dalam interaksi sedemikian
- Hadiah yang tidak bersesuaian dan tidak mematuhi Dasar Antisogokan kita mesti ditolak atau dikembalikan dengan serta-merta

Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu hadiah, hospitaliti atau hiburan itu bersesuaian atau tidak, atau jika hal itu melibatkan pegawai kerajaan, hubungi pihak Etika dan Pematuhan atau Undang-undang sebelum meneruskan. Jika pendedahan kepada umum boleh menyebabkan rasa malu kepada IFF atau kepada anda secara peribadi, maka hal itu tidak boleh diterima.

Untuk butiran lanjut, rujuk Dasar Antisogokan IFF, Panduan tentang Hadiah, Hospitaliti & Hiburan dan Dasar Perbelanjaan Perjalanan dan Perniagaan. Pastikan anda mengikut Proses Pendedahan Pematuhan Berterusan IFF untuk mendedahkan hadiah, hospitaliti atau hiburan, yang melibatkan pegawai kerajaan.

KITA MENDEKATI AKTIVITI POLITIK DENGAN BERTANGGUNGJAWAB


IFF menggalakkan pekerja untuk menjadi warganegara yang aktif dan terlibat. Walau bagaimanapun, sumber syarikat, termasuk masa, kemudahan, peralatan dan bekalan, tidak boleh digunakan untuk aktiviti peribadi, politik atau komuniti. Meminta atau mengedarkan bahan politik di tempat kerja adalah tidak dibenarkan. Penyertaan peribadi dalam aktiviti politik atau komuniti merupakan pilihan anda dan tidak memberikan kesan kepada pekerjaan anda.

Semua aktiviti politik bagi pihak IFF, termasuk melobi atau berinteraksi dengan pegawai kerajaan, memerlukan kelulusan lebih awal daripada pihak Etika dan Pematuhan atau Undang-Undang, dan mesti diselaraskan dengan pihak Hal Ehwal Awam. IFF dengan tegas melarang sumbangan syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada kempen, organisasi atau calon politik, termasuk bayaran balik sumbangan politik peribadi.



INTEGRITI DALAM PERNIAGAAN KITA

Di IFF, integriti menjadi panduan dalam setiap aspek kerja kita, daripada cara kita beroperasi secara dalaman hingga cara kita berinteraksi dengan rakan kongsi luar dan pihak ketiga yang lain. Komitmen kita terhadap tingkah laku beretika kekal teguh, tanpa mengira jenis aktiviti atau hubungan perniagaan. Bahagian berikut menghuraikan topik pematuhan utama yang membantu kita mendukung piawaian ini dalam semua yang kita lakukan.





KITA KOMITED TERHADAP AMALAN PERNIAGAAN YANG ADIL DAN TELUS

Kita bersikap jujur, beretika dan telus dalam cara kita beroperasi secara dalaman. Dengan sentiasa menyelaraskan tingkah laku kita dengan nilai-nilai kita, kita membina kepercayaan dan kredibiliti di setiap peringkat organisasi dan memupuk rasa hormat bersama yang mengukuhkan kerjasama antara pasukan.

Kita Bersikap Telus Tentang Konflik Berkepentingan

Mengelakkan konflik kepentingan, sama ada di dalam mahupun di luar organisasi kita, adalah penting untuk membolehkan kita beroperasi sebagai sebuah syarikat yang beretika dan telus. Kewujudan konflik kepentingan dalam diri anda boleh memberikan kesan pada pertimbangan anda dan menjejaskan keupayaan anda untuk membuat keputusan yang tidak berat sebelah. Semasa bekerja di IFF, anda mesti memastikan bahawa kepentingan dan hubungan peribadi anda tidak bercanggahan, atau kelihatan seolah-olah bercanggah, dengan tanggungjawab profesional anda kepada IFF.

Semua konflik yang benar-benar berlaku, mungkin berlaku atau dianggap sebagai berlaku mesti didedahkan dengan segera kepada penyelia anda dan dilaporkan secara dalaman melalui Portal Etika dan Pematuhan IFF. Untuk panduan lanjut mengenai konflik kepentingan dan arahan langkah demi langkah berkaitan proses pendedahan, sila rujuk kepada [Dasar Konflik Kepentingan IFF](#).

Apakah Itu Konflik Kepentingan?

Konflik kepentingan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan timbul apabila aktiviti serta hubungan peribadi anda, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mengganggu atau kelihatan mengganggu keupayaan anda untuk bertindak demi kepentingan terbaik IFF.

Antara contohnya termasuk:

- Melibatkan diri dalam aktiviti yang bersaing atau kelihatan seperti bersaing dengan IFF
- Mempunyai hubungan kewangan atau peribadi dengan atau memegang kepentingan dalam syarikat pesaing, pembekal, vendor atau pelanggan
- Bekerja atau menjalankan perniagaan dengan ahli keluarga atau dengan mana-mana perniagaan yang padanya terdapat kepentingan kewangan peribadi ahli keluarga
- Menjalankan aktiviti kerja bukan IFF dalam waktu kerja atau menggunakan sumber IFF
- Menjalin hubungan romantik dengan penyelia atau orang bawahan
- Bekerja sebagai perunding untuk pesaing, pembekal atau pelanggan IFF
- Berkhidmat sebagai pekerja, pegawai atau pengarah syarikat lain semasa masih bekerja dengan IFF

Pendedahan ialah kuncinya: mempunyai konflik biasanya bukanlah suatu pelanggaran, tetapi kegagalan untuk mendedahkannya telah menjadikannya suatu pelanggaran.



Apakah yang Akan Anda Lakukan?

SOALAN

Saya ingin melantik firma sepupu saya untuk memberikan perkhidmatan untuk bangunan IFF. Saya rasa ini bukan isu besar selagi dia menawarkan harga terbaik dan menyediakan kualiti perkhidmatan yang sama seperti pembekal lain.

Adakah saya perlu memberitahu pengurus saya bahawa saya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pemiliknya?

JAWAPAN

Ya, kerana hal ini boleh menjadi konflik kepentingan jika saudara anda memiliki atau bekerja untuk vendor atau penyedia perkhidmatan yang menjalankan urusan perniagaan dengan kita. Dalam situasi seperti ini, anda mesti mendedahkan konflik tersebut melalui Portal Etika dan Pematuhan IFF dan mendapatkan kelulusan lebih awal daripada pengurus anda dan pihak Etika dan Pematuhan atau Undang-Undang.



KITA MENGEKALKAN REKOD SENTIASA TEPAT

Buku dan rekod yang lengkap serta tepat diwajibkan oleh undang-undang dan penting kepada pengurusan perniagaan IFF dan pengekalan ketepatan dan integriti pelaporan dan pendedahan kewangan kita, yang akhirnya semuanya akan mempengaruhi kredibiliti dan reputasi IFF.

“Buku dan rekod”, sama ada dalam bentuk elektronik atau salinan fizikal, bukan sahaja merujuk kepada akaun kewangan, tetapi kepada semua rekod yang disediakan, dijana atau disimpan sepanjang urusan perniagaan IFF. Antara contohnya termasuk invois, pesanan belian, perjanjian, helaian masa, dokumen senarai berkenaan dengan gaji, laporan perjalanan dan perbelanjaan, keputusan ujian, bacaan instrumen, laporan kerentanan teknologi, laporan keselamatan dan persekitaran, serta pemfailan kepada agensi kawal selia.

Memandangkan senarai rekod yang luas, tanggungjawab untuk memastikan ketepatan dan kelengkapannya terletak pada setiap daripada kita dan bukan hanya kakitangan perakaunan dan kewangan IFF. Apabila anda menyumbang kepada penyediaan rekod perniagaan, sebagai contoh dengan menyerahkan laporan perbelanjaan, helaian masa atau pesanan belian, anda bertanggungjawab atas kejujuran dan ketepatan maklumat yang anda serahkan.

Sebarang percubaan untuk menyembunyikan atau menyalahnyatakan maklumat dalam buku atau rekod IFF ialah suatu pelanggaran serius. Hal ini termasuk:

- Menangguhkan rekod tarikh pesanan atau pembayaran
- Melaporkan maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan tentang sesuatu transaksi
- Memalsukan laporan pemeriksaan, data ujian atau dokumen syarikat yang lain

Peraturan yang jelas: semua rekod dan pelaporan mestilah lengkap, adil, tepat, menepati masa dan tidak mengelirukan. Tiada pengecualian.

KITA MENGELAKKAN PERDAGANGAN ORANG DALAM & PENDEDAHAN MAKLUMAT PENTING BUKAN AWAM

Membeli atau menjual sekuriti IFF, atau sekuriti mana-mana syarikat lain, semasa memiliki maklumat penting bukan awam (“maklumat orang dalam”) merupakan perbuatan yang menyalahi undang-undang dan tidak beretika.

IFF dengan tegas melarang:

- Membeli atau menjual saham, opsi atau sekuriti IFF yang lain jika anda mempunyai maklumat penting bukan awam tentang IFF
- Berdagang dalam sekuriti syarikat lain, termasuk pelanggan atau pembekal, berdasarkan maklumat penting bukan awam yang diperoleh melalui kerja anda di IFF
- Berkongsi atau mendedahkan maklumat penting bukan awam kepada sesiapa pun, termasuk pelabur, penganalisis, ahli keluarga atau rakan

Maklumat penting bukan awam ialah sebarang maklumat yang belum didedahkan kepada umum yang akan dianggap penting oleh pelabur yang munasabah dalam membuat keputusan untuk membeli, menjual atau memegang sekuriti. Antara contohnya termasuk:

- Keputusan atau unjuran kewangan yang belum diumumkan
- Penggabungan, pengambilalihan atau pelupusan aset
- Perubahan dalam pengurusan
- Pelancaran produk baharu atau inovasi
- Perubahan ketara dalam pelanggan atau kontrak
- Litigasi atau tindakan undang-undang yang belum selesai

Pelanggaran boleh menyebabkan hukuman sivil dan jenayah yang serius untuk anda dan orang lain yang terlibat. Untuk maklumat lanjut, rujuk Dasar Perdagangan Orang Dalam IFF dan hubungi Jabatan Undang-undang dengan sebarang soalan atau kebimbangan.



KITA MEMBINA KEPERCAYAAN DENGAN RAKAN NIAGA KITA MELALUI URUS NIAGA BERETIKA

IFF komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika dan bertanggungjawab dalam setiap interaksi dengan rakan niaga kita, vendor dan pihak ketiga.

Apabila bekerja dengan rakan niaga, anda mesti:

- Mengelakkan amalan yang tidak adil atau mengelirukan
- Melayani semua rakan niaga secara jujur, adil dan objektif
- Bersikap telus tentang produk dan perkhidmatan kita
- Mematuhi prosedur perolehan dan penyumberan yang betul
- Memilih rakan kongsi berdasarkan merit dan bebas daripada konflik kepentingan
- Menghormati kewajipan kerahsiaan
- Mempertahankan hak harta intelek dan hak milik lain mereka


Kita Menghendaki Rakan Niaga Kita Mematuhi Piawaian yang Sama

Kita komited untuk mengekalkan piawaian etika, undang-undang dan profesional yang tertinggi. Begitu juga, kita mengharapkan pembekal dan rakan niaga kita untuk berkongsi nilai ini dan beroperasi dengan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Kita hanya akan bekerjasama dengan rakan kongsi yang berkongsi komitmen kita terhadap amalan perniagaan yang beretika. Semua vendor mesti mematuhi Tatakelakuan Vendor IFF, yang menggariskan keperluan seperti piawaian buruh, antisogokan, kerahsiaan dan pematuhan kepada undang-undang serta peraturan yang terpakai. Berikut ialah keperluan minimum untuk menjalankan perniagaan dengan IFF.

Untuk melindungi IFF daripada rasuah dan risiko lain, usaha wajar serta semakan latar belakang yang bersesuaian dikehendaki. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Prosedur Usaha Wajar Pihak Ketiga IFF.





Kita Sentiasa Berwaspada Terhadap Pengubahan Wang Haram dan Aktiviti Berkaitan

IFF dengan tegas melarang sebarang penglibatan dalam pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau penggunaan sumber syarikat untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah. Pengubahan wang haram ialah proses menyamarkan asal-usul hasil jenayah supaya kelihatan sah, selalunya melalui transaksi yang kompleks atau syarikat cangkerang.

Kita sentiasa berwaspada terhadap aktiviti mencurigakan dalam urusan perniagaan kita. Jika anda mengesyaki bahawa rakan niaga atau pihak ketiga mungkin terlibat dalam tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau yang boleh dipersoalkan, hubungi pihak Etika dan Pematuhan atau Jabatan Undang-Undang dengan segera.

Kita Mematuhi Undang-Undang Kawalan Perdagangan

Sebagai syarikat global, IFF menyampaikan kepakaran, kreativiti dan produknya ke seluruh dunia merentasi banyak sempadan. Beroperasi secara global bermaksud IFF tertakluk pada undang-undang kawalan perdagangan di pelbagai negara tempat kita menjalankan perniagaan, dan IFF komited untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang ini, termasuk:

- Kawalan eksport, sekatan perdagangan, embargo perdagangan dan sekatan ekonomi, yang mengehadkan atau melarang IFF daripada terlibat dalam aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan produk, teknologi atau perisian tertentu atau dengan negara, individu, atau entiti tertentu
- Undang-undang antiboikot yang melarang syarikat daripada menyertai atau bekerjasama dengan boikot antarabangsa yang tidak diluluskan atau disekat oleh kerajaan A.S.
- Undang-undang import atau eksport lain yang mewajibkan IFF dan rakan perniagaannya membayar duti dan/atau mendapatkan lesen khusus, permit atau dokumentasi lain sebelum memindahkan produk, teknologi dan perisian merentasi sempadan

Undang-undang kawalan perdagangan dan antiboikot adalah kompleks dan boleh berubah dengan cepat. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan, anda hendaklah menghubungi Jabatan Undang-Undang sebelum mengambil sebarang tindakan. Anda mesti mengikut Dasar Kawalan Perdagangan IFF, terutamanya jika anda bertanggungjawab membuat keputusan di IFF tentang tempat atau pihak yang akan membeli atau menjual produk kita, atau sebaliknya jika anda terlibat dalam urusan perniagaan rentas sempadan.

Kita Bersaing Secara Adil dan Bertanggungjawab

IFF komited untuk bersaing dengan adil dan beretika dalam setiap pasaran tempat kita beroperasi. Kita melarang dengan tegas sebarang tingkah laku yang melanggar undang-undang antitrust atau undang-undang persaingan, yang direka untuk melindungi pengguna dan menggalakkan persaingan saksama.

Malah perbualan tidak formal seperti di pameran perdagangan, acara industri atau perhimpunan sosial boleh menimbulkan isu undang-undang yang serius jika topik ini disentuh. Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu perbincangan atau interaksi itu bersesuaian atau tidak, rujuk Jabatan Undang-undang dengan segera.

Anda tidak boleh sama sekali, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bersetuju dengan pesaing untuk:


- Menetapkan atau menyelaraskan harga, diskaun, rebat atau terma jualan lain
- Menyelaraskan atau menyelaras penyerahan tender atau bidaan
- Membahagikan pasaran, wilayah, pelanggan atau barisan produk
- Memboikot pembekal atau mengehadkan pengeluaran
- Mengehadkan hubungan pekerjaan secara tidak wajar

Pengendalian Maklumat Pesaing

Kita bersaing dengan bersungguh-sungguh, tetapi secara adil. Anda tidak boleh sama sekali memperoleh, menggunakan atau berkongsi maklumat pesaing melalui kaedah yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika. Sumber yang boleh diterima termasuk pemfailan awam, artikel berita dan pembentangan yang tersedia untuk umum. Jangan sekali-kali mendapatkan maklumat sulit melalui penipuan, salah nyataan atau pihak ketiga.

Apabila Pesaing Juga Merupakan Pelanggan

Jika IFF membekalkan produk kepada pesaing, perbincangan mestilah dihadkan dengan ketat kepada terma transaksi yang tertentu itu. Jangan bincangkan penetapan harga atau terma komersial bagi produk atau perkhidmatan IFF yang lain.



Mengapa Hal Ini Penting

Pelanggaran undang-undang antitrust boleh mengakibatkan penalti yang berat, termasuk pertuduhan jenayah, terhadap individu dan juga terhadap IFF. Undang-undang ini adalah kompleks dan tindakan yang berniat baik sekalipun boleh membawa kepada akibat yang serius.

Untuk maklumat lanjut, rujuk [Dasar Antitrust dan Persaingan IFF](#) dan hubungi Jabatan Undang-Undang sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan.

Apakah yang Akan Anda Lakukan?

? SOALAN

Pada suatu mesyuarat persatuan perdagangan baru-baru ini, salah seorang pesaing kita dengan santai mencadangkan bahawa membahagikan pasaran serantau sesama sendiri untuk memaksimumkan keuntungan dengan usaha yang kurang adalah bermanfaat. Katanya lagi, perbualan itu “tidak rasmi”.

Saya berasa tidak selesa. Adakah perbualan ini bersesuaian?

💡 JAWAPAN

Sudah tentu tidak. Walaupun mesyuarat persatuan perdagangan boleh berfungsi untuk tujuan industri yang sah, semua ini perlu didekati dengan berhati-hati. Sebarang perbincangan dengan pesaing yang melibatkan penetapan harga, terma jualan, wilayah pasaran atau pembahagian pelanggan dilarang sama sekali di bawah undang-undang antitrust dan mestilah dielakkan. Jika pesaing memulakan topik sedemikian, anda mesti dengan jelas menolak cadangan itu, menamatkan perbincangan dengan serta-merta dan menjauhkan diri daripada situasi itu. Anda juga hendaklah melaporkan kejadian itu kepada Jabatan Undang-Undang tanpa berlengah.

Kita Memastikan Pematuhan Produk dan Integriti Kawal Selia

IFF komited untuk mematuhi sepenuhnya semua undang-undang, peraturan dan piawaian industri yang terpakai dan yang mengawal keselamatan, kualiti dan integriti produk kita. Pematuhan ini termasuk keperluan yang kompleks dan sentiasa berkembang di seluruh sektor makanan, kosmetik, dadah dan bahan kimia.

Kita bertanggungjawab untuk memastikan bahawa:

- Produk dan bahan ramuan kita memenuhi keperluan kelulusan undang-undang di setiap pasaran di mana kita beroperasi
- Pelabelan produk adalah tepat, telus dan mematuhi peraturan tempatan serta antarabangsa
- Dakwaan tentang produk kita adalah benar, disokong oleh bukti dan selaras dengan keperluan pengawalseliaan
- Proses pembuatan, pembungkusan dan pengiriman mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti yang terpakai

Pematuhan pengawalseliaan bukanlah pilihan, pematuhan semua ini adalah penting untuk melindungi pengguna, mengekalkan kepercayaan dan memelihara reputasi IFF. Kita mengharapkan semua pekerja memahami peraturan yang terpakai kepada kerja masing-masing dan mendapatkan panduan apabila diperlukan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang keperluan pengawalseliaan atau pematuhan produk, hubungi penyelia, Jabatan Pengawalseliaan atau Undang-Undang dengan segera.



Apakah yang Akan Anda Lakukan?

SOALAN

Saya mahu mengemukakan kepada pelanggan suatu formula wangian yang mengandungi ramuan yang belum lagi diluluskan secara dalaman untuk kegunaan wangian. Ramuan tersebut sudah pun diluluskan untuk kegunaan perisa. Bolehkah saya mengemukakan formula wangian ini?

JAWAPAN

Tidak. Ramuan tersebut tidak boleh digunakan hingga proses kelulusan dalaman bagi “penggunaan akhir” produk selesai. Peraturan yang terpakai kepada wangian tidak semestinya terpakai kepada perisa, dan sebaliknya.

SOALAN

Seorang pembekal telah memaklumi saya bahawa produknya mengandungi bahan kontaminasi pada aras surih, namun aras itu teramat rendah dan tidak menimbulkan kebimbangan keselamatan. Dia juga berkata, pihaknya turut mengambil langkah untuk menghapuskan bahan kontaminasi itu. Adakah saya perlu memberitahu penyelia saya?

JAWAPAN

Ya, dengan serta-merta. Walau sekecil mana pun masalah berkaitan persekitaran, keselamatan atau kualiti yang melibatkan mana-mana produk atau ramuan kita, semuanya mesti dilaporkan sebaik sahaja diketahui. Anda hendaklah menghubungi wakil Jabatan Pengawalseliaan atau Jabatan Undang-Undang dengan segera.

MELINDUNGI HARTA DAN ASET IFF



KITA MELARANG PENIPUAN, PENCURIAN, PEMBAZIRAN ATAU PENYALAHGUNAAN

Di IFF, kita bertindak seperti pemilik, dengan melindungi sumber syarikat seolah-olah sumber itu milik kita sendiri. Sumber ini penting untuk menyampaikan nilai kepada pelanggan kita dan merangkumi aset ketara (seperti kemudahan, peralatan dan dana), serta aset tidak ketara (seperti harta intelek, maklumat sulit dan pengetahuan proprietari).

Harta dan aset IFF mesti digunakan hanya untuk tujuan perniagaan yang sah. Sebarang penyalahgunaan, kecurian atau penggunaan sumber syarikat untuk keuntungan peribadi, tingkah laku tidak beretika atau aktiviti yang menyalahi undang-undang adalah dilarang sama sekali.



Tanggungjawab anda termasuk:

- Mematuhi Dasar Perolehan IFF apabila menyumbangkan bahan atau perkhidmatan
- Menggunakan dana syarikat secara bertanggungjawab, terutamanya untuk perjalanan dan hiburan, selaras dengan Dasar Perjalanan dan Perbelanjaan Perniagaan
- Memastikan semua urusan niaga diluluskan dengan betul dan dalam had yang ditetapkan oleh Dasar Penandatanganan dan Pengesah yang Diluluskan (ASAP)
- Memulangkan semua harta syarikat, sama ada fizikal atau digital, apabila perkhidmatan anda tamat

Jika anda mengesyaki penipuan, kecurian atau penyalahgunaan sumber IFF, laporkan dengan segera. Pelanggaran boleh mengakibatkan tindakan tatatertib dan, dalam sesetengah kes, liabiliti jenayah.

KITA MELINDUNGI HARTA INTELEK, RAHSIA PERDAGANGAN & MAKLUMAT SULIT KITA

Kejayaan IFF bergantung pada kenyataan bahawa kita melindungi maklumat sulit dan proprietari kita, harta intelek serta aset jenama, yang amat penting untuk mengekalkan kelebihan daya saing kita, reputasi dan pematuhan undang-undang. Melindungi kerahsiaan dan integriti penemuan, formula, proses pembuatan dan data saintifik kita memastikan kita kekal di barisan hadapan industri. Untuk terus menyampaikan produk dan perkhidmatan yang unggul, kita mesti melindungi aset unik ini bersama maklumat perniagaan sensitif yang lain, seperti data jualan dan penetapan harga. Anda bertanggungjawab untuk mencegah akses atau penggunaan tanpa kebenaran terhadap maklumat sulit IFF, di samping maklumat sulit pekerja, pelanggan, pembekal dan rakan niaga kita.

Apakah yang Perlu Dilindungi?



- **Harta Intelek dan Rahsia Perdagangan:** Semua harta intelek yang anda hasilkan atau yang dihasilkan oleh IFF sepanjang tempoh pekerjaan anda merupakan milik syarikat dan selalunya bersifat sulit. Semuanya mesti digunakan hanya untuk tujuan perniagaan IFF dan tidak boleh dikongsi dengan pihak ketiga. Harta ini termasuk ciptaan, formula, proses, produk, senarai pelanggan, program, paten, tanda dagangan, hak cipta, rahsia perdagangan, nama domain dan penambahbaikan. Anda juga bertanggungjawab untuk membantu IFF mengelakkan pelanggaran harta intelek pihak lain. Sebelum melancarkan produk atau proses baharu, rujuk Pasukan Harta Intelek Jabatan Undang-Undang untuk semakan paten.



- **Jenama dan Logo IFF:** Nama dan logo IFF adalah antara aset paling bernilai kita dan mesti digunakan dengan betul untuk memelihara nilainya. Patuhi garis panduan jenama IFF dan sentiasa peka terhadap sebarang penyalahgunaan oleh rakan sekerja, pelanggan, pembekal atau pesaing, terutamanya dalam talian, serta laporkan sebarang kebimbangan kepada pengurusan barisan, pihak Komunikasi Korporat, Pemasaran atau Pasukan Harta Intelek Jabatan Undang-Undang.



- **Maklumat Sulit dan Proprietari:** Maklumat ini termasuk sebarang maklumat yang tidak tersedia kepada umum berkaitan IFF, pekerja, pelanggan atau rakan niaga kita. Antara contohnya termasuk pelan strategik, aset jenama, data pekerja, rahsia perdagangan (seperti formula dan resipi), spesifikasi produk, data kewangan dan operasi, penyelidikan dan pembangunan, kaedah pembuatan, butiran pelanggan dan pembekal, strategi penetapan harga serta kelayakan sistem. Jika maklumat itu tidak didedahkan kepada umum dan pendedahannya boleh memudaratkan IFF atau melanggar undang-undang atau dasar, maklumat itu hendaklah dianggap sebagai maklumat sulit.

Jika anda tidak pasti sama ada suatu maklumat tertentu adalah sulit atau tidak, pertimbangkan soalan berikut:

Adakah maklumat ini disekat daripada akses awam?

Dapatkan pendedahan maklumat ini memudaratkan atau merugikan IFF atau mana-mana pekerja atau rakan niaga IFF?

Adakah kerja anda atau kerja pihak lain akan terjejas jika maklumat itu dikongsi?

Adakah pendedahan atau penggunaan maklumat ini akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan?

Jika jawapan anda kepada mana-mana soalan di atas ialah “ya”, maka anda harus menganggap maklumat itu sebagai sulit dan mengendalikannya dengan sewajarnya. Sesetengah maklumat juga boleh diklasifikasikan sebagai rahsia dagangan jika maklumat itu hanya diketahui oleh kumpulan terhad, mempunyai nilai komersial dan dilindungi secara aktif. Tanggungjawab anda untuk melindungi maklumat ini berterusan semasa dan selepas penamatan pekerjaan anda.

Untuk membantu IFF mengekalkan kelebihan daya saingnya, anda mesti mengambil langkah berkesan untuk melindungi rahsia dagangan dan maklumat sulit dengan mematuhi Dasar Maklumat Sulit dan Rahsia Dagangan IFF. Kewajipan ini terpakai pada setiap masa sepanjang tempoh pekerjaan anda, termasuk di luar tempat kerja dan jam bekerja, dan berterusan walaupun anda telah menamatkan perkhidmatan anda di IFF.




Menyampaikan Maklumat Sulit

Anda hendaklah sentiasa berhati-hati dan berfikir dengan teliti setiap kali anda berkongsi maklumat sulit atau proprietari, sama ada secara bertulis, termasuk e-mel dan mesej segera, atau semasa perbualan bersemuka atau secara maya. Anda hendaklah peka terhadap persekitaran anda apabila bercakap tentang maklumat sulit atau proprietari melalui telefon bimbit, di tempat awam atau di majlis sosial. Ingat bahawa kewajipan anda untuk melindungi maklumat sulit dan proprietari terpakai dalam perbualan dengan rakan, rakan sekerja di syarikat lain, dan malah dengan ahli keluarga anda sendiri. Kewajipan ini juga berterusan selepas anda meninggalkan IFF.

Hanya individu yang diberikan kebenaran yang boleh mendedahkan maklumat sulit, dan hanya apabila perlu untuk tujuan perniagaan dengan langkah perlindungan yang betul dilaksanakan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan sama ada sesuatu maklumat adalah sulit atau proprietari, atau sama ada maklumat itu boleh didedahkan atau tidak, sila dapatkan panduan daripada Jabatan Undang-Undang.

Untuk panduan lanjut tentang cara menyimpan maklumat IFF selamat dan sulit, sila rujuk [Dasar Maklumat Sulit dan Rahsia Perdagangan](#) dan [Dasar Pendedahan Adil Peraturan](#).



Apakah yang Akan Anda Lakukan?

SOALAN

Seorang ahli kimia dalam kumpulan R&D kita baru sahaja meletakkan jawatan dan merancang untuk menyertai syarikat lain. Dia memaklumi saya bahawa dia merancang untuk menyalin failnya yang berkaitan dengan beberapa proses yang dibangunkannya semasa bekerja di IFF kerana mendakwa bahawa kemungkinan besar IFF tidak akan menggunakannya. Adakah wajar baginya untuk mengambil maklumat ini?

JAWAPAN

Tidak. Segala yang dicipta oleh seseorang pekerja dalam kapasitinya sebagai pekerja IFF, termasuk proses dan ciptaan, merupakan milik IFF. Hasil ciptaan tersebut hanya boleh digunakan sehubungan dengan perniagaan IFF dan tidak boleh, dalam apa-apa jua keadaan, dibawa keluar atau digunakan oleh seseorang pekerja berikutan peninggalannya.

SOALAN

Saya pengurus akaun untuk salah satu pelanggan terbesar IFF. Pelanggan itu baru-baru ini meminta jika saya boleh memberikan formula bagi produk yang dibelinya. Bolehkah saya memberikan maklumat ini?

JAWAPAN

Mungkin, tertakluk pada kelulusan dan syarat yang bersesuaian. Pendedahan formula dan ramuan hanya boleh dibuat dengan kelulusan lebih awal daripada wakil Jabatan Pengawalseliaan atau Undang-Undang, selaras dengan spesifikasi pendedahan yang ketat dan prosedur kerahsiaan. Anda hendaklah menghubungi Jabatan Pengawalseliaan jika pelanggan meminta pendedahan bagi tujuan pengawalseliaan. Dalam semua keadaan lain, sila hubungi Jabatan Undang-Undang.

KOMUNIKASI LUAR DAN PRIVASI





KITA BERKOMUNIKASI DAN MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL DENGAN BERHATI-HATI

Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, IFF mesti memastikan semua komunikasi luaran adalah tepat, konsisten dan selaras dengan mesej korporat kita. Untuk melindungi reputasi kita dan mematuhi keperluan undang-undang dan kawal selia, hanya jurucakap yang ditetapkan, seperti CEO, CFO serta ahli pasukan Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Korporat, yang dibenarkan untuk bercakap bagi pihak IFF.

Melainkan anda mempunyai kebenaran yang jelas dan kelulusan kandungan, anda tidak boleh membuat kenyataan awam atau menjawab pertanyaan tentang perniagaan, operasi, pekerja atau rakan niaga IFF. Hal ini terpakai pada:

- Media tradisional (TV, radio, media cetak dsb.)
- Sesi ucapan dan forum awam
- Akaun media sosial peribadi atau profesional
- Blog, artikel atau kandungan lain yang diterbitkan
- Platform dalam talian dan laman perkongsian kandungan
- Sebarang permintaan “rasmi” atau “tidak rasmi”, termasuk daripada para pelabur atau penganalisis

Jika anda dihubungi untuk komen atau maklumat, majukan pertanyaan itu kepada media.request@iff.com atau kepada ahli Pasukan Komunikasi Korporat.

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL



Lakukan

- Nyatakan bahawa anda pekerja IFF setiap kali anda menyiarkan apa-apa berkaitan IFF di mana-mana platform awam. Jelaskan bahawa pandangan yang dikongsi ialah pandangan peribadi anda dan bukan pandangan IFF
- Sentiasa menghormati jenama, tanda dagangan dan hak cipta syarikat lain
- Kekalkan sikap berhemah dan profesional dalam komunikasi anda



Jangan

- Jangan kongsi sebarang maklumat sulit IFF
- Jangan berkongsi sebarang maklumat tentang pelanggan, rakan niaga atau pekerja IFF



Untuk panduan lanjut, sila rujuk [Dasar Komunikasi Luaran](#) dan [Dasar Media Sosial IFF](#).

KITA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI & SISTEM KOMUNIKASI SECARA BERTANGGUNGJAWAB

IFF menyediakan sistem komunikasi elektronik dan maklumat, termasuk komputer, peranti mudah alih, perisian, pelayan, e-mel dan akses Internet, untuk menyokong operasi perniagaan. Sistem ini, dan semua data yang dihantar atau disimpan di dalamnya, merupakan harta syarikat dan mesti digunakan dengan penuh tanggungjawab. Penggunaan peribadi sekali sekala dibenarkan kecuali jika dihadkan oleh dasar tempatan atau kontrak pekerjaan anda. Walau bagaimanapun, penggunaan sedemikian tidak boleh mengganggu operasi perniagaan, mengurangkan produktiviti atau mendedahkan IFF kepada risiko.

Penggunaan Wajar

Anda dikehendaki untuk menggunakan sistem IFF secara profesional dan dengan mematuhi undang-undang.

Penggunaan yang tidak bersesuaian termasuk:

- Menghantar atau mengakses kandungan kesat, mengancam, memfitnah atau sebaliknya yang menyinggung perasaan
- Perkongsian atau penyalinan data sulit, proprietari atau peribadi tanpa kebenaran
- Mengakses sistem, fail, atau rangkaian tanpa kebenaran yang wajar
- Menggunakan sistem IFF untuk perniagaan peribadi, pengumpulan dana politik atau aktiviti keagamaan
- Terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, tidak beretika atau tidak mematuhi peraturan

Keselamatan dan Kerahsiaan

Melindungi aset digital IFF ialah tanggungjawab bersama. Anda mesti:

- Melindungi kata laluan dan kelayakan akses untuk melindungi sistem IFF daripada akses yang tidak sengaja atau tanpa kebenaran
- Menggunakan hanya sistem dan aplikasi IFF yang diluluskan untuk menghantar, menerima atau menyimpan maklumat perniagaan
- Jangan menggunakan e-mel peribadi, platform perkongsian fail pihak ketiga atau aplikasi pemesejan yang tidak dibenarkan untuk urusan perniagaan IFF, kecuali dengan kebenaran bertulis yang jelas

Pemantauan dan Privasi

IFF berhak untuk memantau, mengakses, menyemak, memadamkan dan merekod komunikasi serta aktiviti pada sistemnya, termasuk e-mel peribadi dan penggunaan Internet, selaras dengan undang-undang yang terpakai.

Untuk maklumat lanjut, rujuk [Dasar Penggunaan Boleh Diterima IFF](#), dan garis panduan berkaitan.

Jika anda mengesyaki bahawa data IFF telah dikendalikan dengan tidak wajar atau didedahkan dengan tidak sepatutnya, hubungi Digital Technology Solutions (DTS) dengan segera.

KITA MEMANFAATKAN KECERDASAN BUATAN (AI) SECARA BERETIKA

IFF mengiktiraf potensi kecerdasan buatan untuk meningkatkan inovasi, kecekapan dan kreativiti di seluruh perniagaan kita. Walau bagaimanapun, dengan peluang ini datangnya dengan tanggungjawab. Penggunaan AI mestilah beretika, telus dan sejajar dengan nilai, dasar dan kewajipan undang-undang kita.



Penggunaan dan Pembangunan AI yang Bertanggungjawab

Pekerja mesti menggunakan alat AI hanya dengan cara yang:

- Mematuhi undang-undang, peraturan dan dasar IFF yang berkenaan
- Memastikan semakan dan pengawasan manusia terhadap semua output yang dijana oleh AI untuk menjamin ketepatan sebelum digunakan dan/atau diedarkan
- Melindungi semua data IFF, termasuk data sulit, proprietari dan data peribadi
- Melindungi data rakan niaga kita
- Mengelakkan penjanaaan atau perkongsian kandungan yang mengelirukan, berat sebelah atau tidak bersesuaian
- Telus dan boleh dikesan, terutamanya apabila output digunakan dalam pembuatan keputusan atau komunikasi



Penggunaan yang Dilarang

Jangan gunakan alat AI untuk:

- Mencipta atau mengedarkan kandungan yang mengelirukan (cth., penyamaran, deepfake)
- Memintasi kawalan dalaman atau mengautomatiskan tugas yang disekat
- Memasukkan data sensitif syarikat atau pelanggan ke dalam platform AI awam atau yang tidak diluluskan
- Menjanakan output yang boleh melanggar Tatakelakuan IFF atau memudaratkan reputasi kita

Jika anda menggunakan AI untuk membantu dalam kerja anda, anda bertanggungjawab terhadap ketepatan, kesesuaian dan impak output itu. Anda mesti dapat menerangkan cara alat tersebut digunakan dan memastikan penggunaannya didedahkan apabila dikehendaki.

Semua penggunaan alat AI mesti mengikut Dasar Kecerdasan Buatan IFF, yang menggariskan tadbir urus bagi penggunaan sedemikian, platform yang diluluskan, kes penggunaan dan amalan mitigasi risiko. Para pekerja hendaklah mendapatkan panduan daripada Jabatan Undang-Undang, Etika dan Pematuhan atau Digital Technology Solutions (DTS) apabila ragu-ragu.

KITA MELINDUNGI PRIVASI DAN MEMASTIKAN KESELAMATAN DATA PERIBADI

IFF komited untuk melindungi privasi dan data peribadi para pekerja kita, pelanggan, rakan niaga serta pihak lain yang berurusan dengan kita. Kita mengendalikan data peribadi secara bertanggungjawab, selamat dan dengan mematuhi undang-undang privasi yang terpakai serta dasar IFF.

Apakah Itu Data Peribadi?

Data peribadi merangkumi sebarang maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu.



Nama



Alamat e-mel



Nombor Pengenalan Kerajaan



Nombor Pengenalan Pekerja



Nombor telefon



Butiran akaun kewangan



Kelayakan log masuk

IFF mengumpulkan data peribadi untuk tujuan perniagaan yang sah, termasuk mentadbir manfaat pekerja, mengurus hubungan dengan pelanggan dan rakan kongsi, serta memenuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia.

Jika peranan anda melibatkan akses kepada data peribadi, anda mesti:

- Mengumpulkan, menggunakan dan berkongsi data peribadi hanya untuk tujuan perniagaan yang sah
- Mengehadkan akses dan penggunaan kepada perkara yang perlu untuk tanggungjawab kerja anda
- Melindungi data peribadi daripada akses tanpa kebenaran, kehilangan atau penyalahgunaan
- Mengelakkan pendedahan data peribadi kepada sesiapa yang tidak mempunyai keperluan sah untuk mengetahuinya, sama ada di dalam atau di luar IFF
- Terus menghormati kerahsiaan walaupun selepas anda menamatkan perkhidmatan

Kita juga mewajibkan pihak ketiga yang mengendalikan data peribadi bagi pihak kita untuk mematuhi undang-undang privasi yang terpakai dan kewajipan kontrak.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [Dasar Privasi Pekerja IFF](#) dan prosedur perlindungan data yang berkaitan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang perlindungan data peribadi atau keperluan privasi, sila hubungi Jabatan Undang-Undang. Jika anda mengesyaki bahawa data peribadi telah disalahgunakan, hilang, dicuri atau diakses secara tidak wajar, laporkan dengan segera kepada pasukan DTS dan Jabatan Undang-Undang.

KITA MENYIMPAN DOKUMEN DENGAN BERSESUAIAN

IFF menjana sejumlah besar rekod perniagaan setiap hari, dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik. Anda bertanggungjawab untuk mengurus rekod ini sepanjang kitaran hayatnya, daripada penciptaan dan penyelenggaraan hingga penyimpanan yang betul dan pelupusan akhir.

Semua rekod mesti disimpan dan dilupuskan selaras dengan Dasar Pengekalan Rekod IFF. Jika anda mengendalikan rekod sensitif seperti data kewangan atau maklumat peribadi pekerja, anda mempunyai tanggungjawab tambahan untuk memahami dan mematuhi keperluan ini.

Arahan Penahanan Undang-undang dan Pengecualian

Tempoh pengekalan standard IFF tidak terpakai apabila dokumen tertakluk pada arahan penahanan undang-undang. Jika anda dimaklumkan untuk mengekalkan rekod yang berkaitan dengan tuntutan mahkamah, siasatan, audit atau pertanyaan pengawalseliaan yang sedang berjalan atau berpotensi akan berlaku, anda mesti menyimpan semua dokumen yang berkaitan, walaupun dokumen tersebut sepatutnya dijadualkan untuk dipadamkan.

Memusnahkan atau mengubah rekod yang tertakluk pada arahan penahanan undang-undang, walaupun secara tidak sengaja, boleh mendedahkan anda dan IFF kepada akibat undang-undang yang serius.

Jika anda tidak pasti sama ada dokumen perlu dikekalkan atau tidak, maka kekalkanlah dan rujuk [Dasar Pengekalan Rekod](#) atau hubungi Jabatan Undang-Undang untuk panduan.

Dikemaskinikan pada Mac 2026

©2026 International Flavors & Fragrances, Inc.

Hak cipta terpelihara.

IFF ialah tanda dagangan berdaftar.

521 West 57th Street
New York, NY 10019
United States

*Nota kepada Para Pekerja: Tatakelakuan ini ("Tata") bukanlah suatu kontrak. Tatakelakuan ini tidak memberikan sebarang hak pekerjaan tertentu atau menjamin pekerjaan bagi mana-mana tempoh masa tertentu. Rujukan kepada "IFF" dalam Tata ini merujuk kepada International Flavors & Fragrances Inc., termasuk anak syarikat dan sekutunya serta mana-mana syarikat yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung, sama ada sepenuhnya atau majoriti, atau sebaliknya yang dikawal olehnya. Terdapat rujukan di seluruh Tata ini kepada dasar, prosedur, piawaian dan garis panduan IFF (secara kolektif "Dasar IFF"). Dalam kebanyakan keadaan, hanya perkara utama atau ringkasan dasar yang dinyatakan dalam Tata ini. Untuk salinan lengkap mana-mana dasar IFF, lawati [IFFConnect](#) atau hubungi pihak Etika & Pematuhan atau Sumber Manusia.